

KL, Bangkok majukan kawasan rebutan

22 APR 1994

KUALA LUMPUR, Khamis — Persetujuan Malaysia dan Thailand menubuhkan ibu pejabat pihak berkuasa bersama dan membangunkan kawasan tuntutan bertindih di Teluk Siam akan mengeratkan kerjasama kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) yang diwujudkan secara rasmi pada September 1992 berjaya mempertingkatkan persefahaman, semangat persaha-

habatan serta kerjasama yang memberangsangkan dalam sejarah hubungan kedua-dua negara.

"Pembukaan ibu pejabat MTJA dan majlis menandatangani Kontrak Perkongsian Bersama (PSC) untuk membangunkan kawasan itu menandakan satu era baru dalam sejarah kerjasama lebih erat di antara Thailand dan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis menandatangani PSC di sini, hari ini. Hadir sama ialah Perdana

Menteri Thailand, Chuan Leekpai dan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata, kira-kira 15 tahun lalu, bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn dan rakan sejawatnya dari Thailand, Jeneral Kriangsak Chomanan, menyatukan idea mewujudkan MTJA bagi meneroka dan mengeksploit sumber petroleum dan gas sebagai langkah menyelesaikan masalah tuntutan bertindih di Teluk Siam.

"Memorandum persefa-

haman (MOU) ditandatangani untuk tujuan itu.

Ia melambangkan pandangan, kehendak politik serta pendekatan pragmatik kedua-dua pemimpin untuk berkongsi sumber petroleum menerusi semangat setia kawan dan persahabatan kedua-dua negara.

"Saya yakin pendekatan ini akan menjadi model ke arah menyelesaikan banyak masalah tuntutan bertindih di kawasan sumber alam yang kaya," katanya. Dr Ma-

LIHAT MUKA 2

KL, Bangkok majukan kawasan rebutan

22 APR 1994

DARI MUKA 1

hathir yakin dengan usaha gigih lembaga pengarah dan pihak pengurusan, MTJA akan mencapai kejayaan serta memberi faedah bersama bagi kedua-dua negara.

"Saya harap usaha sama ini akan meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara di samping membantu perkembangan Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand," katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada ahli lembaga dan pengurusan MTJA yang menjalankan tugas cemerlang bagi membolehkan kerja aktiviti meneroka dan mengeksploitasi sumber gas dan minyak di kawasan berkenaan.

"Saya juga mengucapkan tahniah kepada kontraktor terbabit kerana semangat persefahaman dan lolak ansur yang membolehkan persetujuan bekerjasama membangunkan kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Leekpai dalam ucapannya berkata, penubuhan ibu pejabat

MTJA adalah bukti hasil kerjasama di antara kedua-dua negara khususnya di kawasan sempadan.

Menurutnya, sumber di kawasan bersama kini dimanfaatkan secara usahasama dan adil.

"Persefahaman ekonomi dan politik akan memberi kesan yang begitu meluas kepada rantau ini," katanya.

Beliau berkata, usahasama cari gali petroleum dan gas di Teluk Siam berjaya merealisasikan wawasan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran rakyat di kedua-dua negara.

"Perjanjian usahasama ini adalah satu sejarah gemilang dalam hubungan Malaysia-Thailand yang terjalin sekian lama. Usaha ini adalah yang dihasratkan oleh rakyat kedua-dua negara.

"Perjanjian itu juga membuka jalan untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi bukan sahaja di kalangan negara anggota Asean bahkan negara Asia lain yang di luar rantau ini," katanya.